

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh SPR di Sabah bagi Pilihan Raya Negeri Ke-16 dengan adanya SOP-SOP COVID-19, mengikut setiap kerusi DUN. Apakah perbezaan perbelanjaan SPR antara PRN Sabah Ke-16 kali ini dengan Pilihan Raya Negeri yang biasa di Sabah seperti terdahulu.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan perbelanjaan SPR dalam melaksanakan PRU DUN Sabah ke-16 bagi 73 DUN adalah **RM130 juta** yang merangkumi perolehan pembelian dan sewaan peralatan pilihan raya, keperluan peralatan dan sistem ICT, logistik, elauan petugas pilihan raya dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan. Perbelanjaan ini turut mengambil kira keperluan peralatan mengikut garis panduan pencegahan COVID-19. Manakala jumlah peruntukan PRU ke-14 bagi Negeri Sabah adalah RM 90 juta.

Sekian, terima kasih.